

Dana RM13j baiki kemudahan rosak akibat banjir di Kedah

Peruntukan termasuk bantuan kewangan kepada mangsa di pusat pemindahan sementara

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan RM13 juta bagi kerja baik pulih kemudahan yang rosak akibat banjir di negeri itu.

Beliau berkata, jumlah itu termasuk bantuan kewangan yang disalurkan agensi Persekutuan dan negeri kepada semua mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS).

Katanya, Kerajaan Persekutuan juga akan terus memantau kemajuan empat projek tebatan banjir di Kedah bagi memastikan kesan kerosakan banjir dapat diminimum.

"Di Kota Setar sahaja, kita peruntukkan RM3 juta dan untuk seluruh negeri Kedah, kita agihkan RM10 juta untuk pastikan selepas banjir apa-apa kerosakan

dan ganti rugi yang munasabah dapat dibuat segera.

"Saya minta Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri selaraskan hal ini disegerakan.

"Tujuan saya datang juga untuk pastikan perjalanan yang baik dan semua bantuan kepada rakyat termasuk pesawah disampaikan," katanya selepas melawat PPS Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah, di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah NADMA, Datuk Khairul Shahril Idrus dan Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Datuk Aminurrahim Mohamad.

PM lawat mangsa banjir

Perdana Menteri juga meluangkan masa hampir 20 minit melawat mangsa banjir di PPS Sekolah Kebangsaan Titi Gajah, semalam.

PPS berkenaan menempatkan seramai 206 mangsa daripada 62 keluarga di daerah Kota Setar yang terkesan sejak Rabu lalu.

Mangsa banjir, Wadi Ismail, 54, berkata beliau sangat gembira Perdana Menteri sanggup turun padang meninjau dan beramah mesra dengan penduduk.

"Selama 20 tahun, inilah kali pertama Perdana Menteri datang melawat kami di PPS. Sebelum



Anwar beramah mesra dengan mangsa banjir ketika melawat pusat pemindahan sementara di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah, di Alor Setar, semalam.
(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

ini, kami sekeluarga pernah ditempatkan di sini ketika banjir.

"Tapi kali ini kami terharu kerana beliau sudi melawat kami di sini. Saya rasa bersemangat walaupun sedih rumah ditenggelami banjir," katanya yang juga penduduk Kampung Alor Senja-

ya di sini.

Seorang lagi mangsa banjir, Rohani Ibrahim, 55, berkata, beliau tidak menyangka Perdana Menteri menerima pelawaannya untuk duduk di kerusi di depannya bersama mangsa banjir yang lain.

"Saya panggil Perdana Menteri mai (datang) sini. Tak sangka dia mai duduk di kerusi depan kami. Saya rasa sangat gembira dan teruja dapat bersembang dengan beliau, walaupun sekejap," katanya yang juga tinggal di Kampung Alor Senjaya.